

**Salahuddin temui Azizan dan dua exco Kedah hari ini**  
**The Malaysian Insider**  
**28 Februari , 2012**  
**Oleh Syed Mu'az Syed Putra**

KUALA LUMPUR, 28 Feb — Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub yang diberikan tanggungjawab sebagai perantara dalam kemelut yang berlaku di Kedah dijangka akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan dua exco kerajaan negeri pada hari ini.

Salahuddin (gambar) yang baru tiba di Alor Setar pagi ini berkata pertemuan itu bertujuan mendapatkan maklumat dan situasi sebenar tentang apa yang berlaku di negeri pimpinan PAS-Pakatan Rakyat itu.

Selain Azizan, dua exco yang akan ditemui Salahuddin adalah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Jawatankuasa Kerja Raya, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Datuk Phahrolrazi Zawawi yang merupakan Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kedah, dan Pengerusi Kesihatan, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pembangunan Insan, Sains dan Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi negeri, Datuk Dr Ismail Salleh yang merupakan Timbalan Pesuruhjaya II PAS Kedah.

Difahamkan mereka enggan menerima lantikan itu kerana kecewa dengan sikap serta kepemimpinan Azizan yang juga Pesuruhjaya PAS negeri, berhubung pelbagai isu yang melanda pentadbirannya sejak kebelakangan ini.

"Pertemuan akan diadakan hari ini, dan ia bertujuan memberi focus terhadap isu yang berlaku dan saya rasa PAS pusat ambil tanggungjawab untuk menemui semua pihak supaya kita dapat gambaran jelas tentang apa yang berlaku.

"Selepas bertemu menteri besar, saya akan menemui dua exco itu. Selain dapatkan maklumat, saya juga harap ia boleh mencari jalan penyelesaian," kata Salahuddin kepada The Malaysian Insider.

Semalam PAS pusat memutuskan untuk campur tangan urusan pentadbiran kerajaan negeri Kedah dengan menghantar Salahuddin sebagai perantara bagi menyelesaikan kemelut itu.

PAS Kedah berdepan kemelut pelantikan semula barisan exco kerajaan negeri bagi sesi 2012 yang akan mengangkat sumpah hari ini di Istana Anak Bukit, Alor Setar.

Menurut Salahuddin, selepas mengadakan pertemuan beliau akan membawa semua maklumat itu kepada PAS pusat untuk sekali lagi dibincangkan sebelum membuat keputusan.

"Selepas berjumpa saya akan bawa kepada PAS pusat untuk kita berbincang dan lihat apa sebenarnya yang berlaku, kemudian baru kita akan buat keputusan.

"Perkara ini perkara biasa yang berlaku dalam pentadbiran negeri," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/salahuddin-temui-azizan-dan-dua-exco-kedah-hari-ini/>